



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 17 ()

Tarikh : 13 APRIL 2021

MBPJ RAI 154 KAKITANGAN DI MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah meraikan seramai 154 kakitangan Majlis yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2020 dan turut diraikan 26 kakitangan yang akan bersara pada tahun 2021 di dalam satu majlis **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sanjungan Budi Pesara** yang diadakan di Dewan Sivik MBPJ.

Tonggak kecemerlangan sesebuah organisasi adalah terletak kepada jentera pengurusannya yang berwawasan. Walaubagaimanapun tanpa komitmen pegawai dan kakitangan yang mengamalkan budaya kerja cemerlang akan merencatkan usaha untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti. Oleh itu, MBPJ sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi dikalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan MBPJ dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa sehingga dapat memperolehi pencapaian yang amat membanggakan.

Penekanan terhadap elemen seperti **skill, interest, knowledge, attitude and procedure** merupakan contoh terbaik dalam untuk mencapai kejayaan. Sebagai sebuah organisasi yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat, Majlis memerlukan sebuah pasukan yang mampu memberikan kejayaan yang lebih besar selaras dengan visi dan misi MBPJ.

Untuk makluman komitmen pegawai dan kakitangan Majlis telah memperlihatkan keberhasilan dengan kejayaan MBPJ antaranya memperolehi:

- A) Tempat pertama Anugerah Penghargaan Bandar Mampan MURNINETS bagi kategori bandaraya pada tahun 2020 dengan markah keseluruhan 99 peratus (%)
- B) Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa Unesco Learning Award Sebagai Petaling Jaya Bandar Pembelajaran UNESCO.
- C) Anugerah Johan bagi kategori inovasi sosial (penambahbaikan) pada Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS).



Segala kejayaan ini merupakan usahasama dan komitmen semua jabatan dalam menggerakkan anggotanya untuk sentiasa mempertingkatkan prestasi dan imej Majlis. Majlis mengharapkan dengan adanya majlis penganugerahan ini, akan meningkatkan motivasi dan menjadi pemangkin serta dorongan dalam kalangan kakitangan untuk sentiasa memberikan komitmen dan dedikasi yang tinggi agar Majlis ke peringkat yang lebih tinggi.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 dan Sanjungan Budi Pesara Tahun 2021 telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Nor Azmie Bin Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Setiap penerima anugerah cemerlang akan menerima insentif sebanyak RM1,000.00 beserta sijil. Manakala bakal pesara akan menerima RM 400.00 beserta plak.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya